

Kitab Mormon

Buku Panduan Pembelajaran Pelajar



Komen-komen dan cadangan-cadangan

Komen-komen dan cadangan-cadangan anda tentang buku panduan pembelajaran ini dihargai. Sila serahkan mereka ke:

Curriculum Planning

50 East North Temple Street, Floor 24

Salt Lake City, UT 84150-0024, USA

E-mail: cur-development@ldschurch.org

Sila senaraikan nama, alamat, bahagian, dan pancang anda. Pastikan anda memberi tajuk buku panduan pembelajaran. Kemudian berikan komen-komen dan cadangan-cadangan anda tentang kekuatan dan bahagian yang berpotensi untuk perbaiki tentang buku panduan pembelajaran ini.

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

Diterbitkan oleh Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir
Salt Lake City, Utah

© 2011 oleh Intellectual Reserve, Inc.

Hak cipta terpelihara

Dicetak di Amerika Syarikat

Kelulusan Bahasa Inggeris: 8/96

Kelulusan Penterjemahan: 8/96

Penterjemahan *Book of Mormon Class Member Study Guide*

Malay

35684 348

Pengenalan

Dalam satu mesyuarat bersama Dua Belas Rasul, Nabi Joseph Smith “memberitahu para saudara bahawa Kitab Mormon adalah buku yang paling betul pada bumi ini, dan batu utama agama kita, dan seorang manusia akan lebih berdekatan dengan Tuhan dengan mematuhi perintahnya, lebih daripada buku lain” *History of the Church*, 4:461; juga merujuk kepada Pengenalan Kitab Mormon.

Buku panduan pembelajaran ini bertujuan sebagai teman pengajian Kitab Mormon. Ia dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sejajar dengan pelajaran dalam Kursus Ajaran Injil Kitab Mormon. Setiap bahagian menyediakan tugas bacaan dan soalan mingguan untuk memperkayakan pembelajaran anda. Anda boleh menggunakan soalan-soalan ini untuk memperbaiki aplikasi persendirian dari kitab suci dan untuk menyedia anda untuk membuat sumbangan yang bererti dalam perbincangan kelas.

Anda berkongsi tanggungjawab dengan guru Ajaran Injil anda dalam membantu untuk menjayakan kelas anda. Tuhan berfirman tentang pengajar bahawa mereka perlu “mengkhubatkan . . . dalam Roh kebenaran” dan mereka

yang menerima “firman kebenaran” harus “menerima melalui Roh kebenaran” (A&P 50:17, 19). Datanglah ke kelas dengan persediaan untuk menyumbangkan pandangan, mengajukan pertanyaan, berkongsi pengalaman yang sesuai, memberikan kesaksian, dan mendengarkan dengan penuh perhatian kepada pengajar dan anggota kelas yang lain. Setelah anda mempelajari tugas bacaan dan merenungkan pertanyaan-pertanyaan dalam buku panduan pembelajaran ini, anda akan lebih bersedia untuk menikmati penggenapan dari perkataan Tuhan ketika Dia berkata, “Dia yang berkhutbah dan dia yang menerima, saling memahami dan keduanya diteguhkan dan bersukacita bersama” (A&P 50:22).

Buku Panduan pembelajaran ini adalah sumber yang amat berharga bagi keluarga. Anda boleh menggunakan soalan-soalan pembelajaran untuk mengera perbincangan yang berpusat pada injil di kalangan ahli-ahli keluarga. Setiap bahagian mengandungi satu cadangan bagi perbincangan keluarga. Ahli-ahli keluarga mungkin mahu merujuk kepada cadangan-cadangan ini bila mereka menyedia pelajaran untuk malam keluarga.

“Batu Utama agama Kita”

Mengajikan ayat-ayat suci berikut dengan berdoa: 1 Nefi 13:38–41; 19:23; 2 Nefi 25:21–22; 27:22; 29:6–9; Mormon 8:26–41; Eter 5:2–4; Moroni 1:4; 10:3–5; Ajaran dan Perjanjian 10:45–46; 20:8; 84:54–58. Juga mengajikan bahan pengenalan bagi Kitab Mormon.

- Menurut perenggan kedua dari muka surat tajuk Kitab Mormon, apakah tiga tujuan Kitab Mormon?
- Apakah yang sudah anda pelajari dari Kitab Mormon tentang Yesus Kristus? Bagaimana Kitab Mormon dapat memperkuat kesaksian anda tentang Yesus Kristus?

- Muku surat apakah dari Kitab Mormon yang lebih khususnya mengilhamkan anda?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Bacakan pernyataan berikut oleh Presiden Marion G. Romney bersama keluarga :

“Saya pasti bahawa, dalam rumah tangga kita, jika ibubapa selalu membaca Kitab Mormon dengan doa, secara bersendirian dan bersama anak-anak mereka, roh kitab itu akan meresap ke dalam rumah mereka dan semua yang mendiami di situ. Roh takzim akan bertambah; penghormatan dan pertimbangan terhadap satu sama lain akan berkembang. Roh pertikaian akan hilang. Ibubapa akan menasihati

anak-anak mereka dengan kasih sayang dan kebijaksanaan yang lebih besar. Anak-anak akan menjadi lebih responsif dan patuh kepada nasihat-nasihat ibubapa mereka. Kesolehan akan bertambah. Iman, harapan, dan ihsan—kasih sayang suci Kristus—akan berlimpah-limpah dalam rumah dan kehidupan kita, membawa kepada mereka kedamaian, kebahagiaan, dan kegembiraan. (*Ensign*, Mei 1980, 67).

Berbincang tentang berkat-berkat yang akan datang ke keluarga anda bila anda mengikuti nasihat ini. Buatlah satu rancangan untuk bertemu sebagai satu keluarga setiap hari untuk mengaji Kitab Mormon. Galakkan setiap ahli keluarga untuk mengambil tanggungjawab untuk mengikut rancangan ini.

“Segala Perkara Menurut KehendakNya”

2

1 Nefi 1–7

- Salah satu kejadian yang dihurai-kan dalam Kitab Mormon adalah keberangkatan Lehi dan keluarganya dari Yerusalem. Situasi apakah yang mengakibatkan keberangkatan ini? (Lihat 1 Nefi 1:4–15, 18–20; 2:1–3.)
- Mengapa orang Yerusalem menolak pesan dari Lehi dan nabi-nabi lain? (Lihat 1 Nefi 1:19–20; 2:12–13; 16:1–2.) Mengapa ada orang pada hari ini memberontak bertentangan dengan Tuhan dan hamba-hambanya? Apa yang boleh anda belajar dari Nefi tentang cara untuk membuka hati anda kepada ajaran-ajaran para nabi? (Lihat 1 Nefi 2:16, 19.)
- Mengapakah keluarga Lehi perlu memperoleh kepingan-kepingan loyang? (Lihat 1 Nefi 3:3, 19–20;

4:15–16; juga lihat 1 Nefi 5:21–22; Mosia 1:3–7.)

Bila anda mengaji 1 Nefi 2–4, bandingkan sifat-sifat Nefi dengan sifat-sifat Laman dan Lemuel. Anda mungkin hendak memberi perhatian terutamanya kepada ayat-ayat berikut: 1 Nefi 1:1; 2:11–13, 16, 19; 3:5, 7, 14–15, 31; 4:1, 3.

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Berbincang tentang mengapa keluarga Lehi perlu memperoleh kepingan-kepingan loyang. Berucap tentang mengapa anda bersyukur kepada kitab suci. Kemudian menanya ahli keluarga untuk membuatkan satu senarai sahabat-sahabat yang tidak memiliki

Kitab Mormon. Bertimbang dengan berdoa tentang cara-cara untuk memberikan orang-orang ini satu salinan Kitab Mormon. Anda mungkin hendak

membekalkan setiap ahli keluarga satu salinan Kitab Mormon untuk diserahkan.

Penglihatan tentang Pokok Kehidupan

3

1 Nefi 8–11; 12:16–18; 15

Semasa anda mengaji catatan tentang penglihatan tentang pokok kehidupan, perhatikan lambang-lambang berikut dan erti mereka :

Pokok kehidupan (1 Nefi 8:10; 11:8–25)
Buah dari pokok kehidupan (1 Nefi 8:10–18, 30 ; 15:36; juga lihat A&P 14:7)

Batang dari besi (1 Nefi 8:19–24, 30; 11:25; 15:23–24)

Kabut kegelapan (1 Nefi 8:23–24; 12:17)

Sungai berair (1 Nefi 8:13, 26, 32; 15:26–29)

Bangunan yang besar dan lapang (1 Nefi 8:26–28, 31, 33; 12:18)

- Bila Nefi ditunjukkan pokok kehidupan, dia menanya untuk mengetahui tafsirannya (1 Nefi 11:8–11). Apakah yang dia belajar tentang lambang pokok itu? (Lihat 1 Nefi 11:21–25.) Apakah yang Nefi nam-pak yang membantunya untuk memahami kasih sayang Tuhan dengan lebih baik? (Lihat 1 Nefi 11:13–21, 24, 26–33; juga lihat Yohanes 3:16.)
- Bagaimana Lehi dan Nefi menghu-raikan tentang pokok kehidupan dan buahnya? (Lihat 1 Nefi 8:10–12; 11:8–9, 23; 15:36.)
- Dalam penglihatan itu, Lehi ternam-pak “sekumpulan orang besar yang tak terbilang jumlahnya” (1 Nefi 8:21). Orang ini boleh dibahagi

kepada empat kategori berdasarkan sikap mereka terhadap pokok dan buah itu. Baca 1 Nefi 8:21–33, dan carikan empat kategori ini. Bagai-mana keempat-empat kategori ini wujud pada dunia ini? Dalam kate-gori apakah anda rasa anda berada?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jalankan aktiviti berikut untuk mem-bantu ahli-ahli keluarga untuk mema-hami penglihatan pokok kehidupan dengan lebih baik:

Tutupkan mata seorang ahli keluarga dengan sekeping kain dan pusingkan dia dalam satu bulatan. Jelaskan ba-hawa kain penutup mata itu melam-bangkan kabut kegelapan. Kemudian letakkan satu gambar Juruselamat di suatu tempat dalam bilik itu. Cabarkan ahli keluarga yang matanya ditutup untuk menuju ke gambar itu tanpa bantuan dari sesiapa pun. Bila ternam-pak jelasnya bahawa dia tidak boleh jalan menuju ke gambar itu, suruhkan seorang ahli keluarga lain untuk ber-diri di tepi gambar itu, memegang satu tali (melambangkan batang dari besi). Suruh seorang lain untuk memegang hujung tali itu. Kemudian suruhkan orang matanya yang ditutup memeg-ang tali itu dan berjalan terhadap gambar itu.

“Apa yang Telah Aku Lihat Saat Aku Dibawa Pergi di dalam Roh”

4

1 Nefi 12–14

- Dalam 1 Nefi 12, Nefi menghuraikan penglihatannya tentang masa depan benih keturunannya (keturunannya) dan keturunan adik-beradik lelakinya. Dalam cara apakah lambang-lambang dalam penglihatan tentang pokok kehidupan (kabut kegelapan, bangunan yang besar dan lapang, dan sungai berair) meramalkan keruntuhan keturunan Nefi?
- Apakah yang dapat Nefi nampak yang dibentuk “di antara bangsa-bangsa dari orang bukan Israel”? (Lihat 1 Nefi 13:4–5.) Siapakah penubuh gereja yang besar dan keji itu? (Lihat 1 Nefi 13:6.)
- Perkara apakah dilakukan oleh gereja yang besar dan keji itu terhadap Alkitab? (Lihat 1 Nefi 13:20–26.) Mengapa? (Lihat 1 Nefi 13:27.) Ajaran apakah yang susah difaham dalam Alkitab tetapi jelas dan memang berharga dalam Kitab Mormon? Bagaimana Kitab Mormon dapat menolong anda untuk memahami Alkitab dengan lebih senangnya atau menambahkan kesaksian anda tentang Alkitab?
- Nefi nampak jumlah ahli Gereja Tuhan pada zaman akhir akan lebih sikit secara perbanggaan, mereka akan dapat mengatasi penganiayaan dari gereja yang besar dan keji itu. Apakah yang disenjatai oleh orang suci Tuhan yang dapat Nefi nampak? (Lihat 1 Nefi 14:14.) Bagaimana anda boleh “dipersenjatai dengan kebenaran dan dengan kuasa Tuhan”?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Bacakan ayat-ayat yang dipilih dari 1 Nefi 12–14 bersama keluarga. Semasa anda mengaji bab-bab ini, berikan perhatian kepada nubuat Nefi. Cadangkan kepada ahli-ahli keluarga untuk menandakan nubuat-nubuat itu dalam kitab mereka. Buat satu senarai tentang nubuat yang sudah kabul.

“Mendengar Kebenaran, dan Memberi Perhatian Terhadapnya”

5

1 Nefi 16–22

Semasa anda mengaji 1 Nefi 16–18, carilah cara yang ditunjukkan oleh Nefi bagi pematuhan, iman, dan keberanian. Fikirkan cara anda boleh mengikut teladan Nefi.

- Bagaimana cara Nefi bertindak terhadap ujian berbeza dengan cara banyak ahli keluarganya? (Bandingkan 1 Nefi 18:16 dengan 1 Nefi 16:18–20, 34–36; 17:21.) Bagaimana kita boleh

mengatasi kecenderungan untuk mendesis bila kita menemui ujian?

Kajikan ayat-ayat suci berikut tentang mematuhi perintah-perintah Tuhan. Anda mungkin hendak menandakan ayat-ayat ini.

1 Nefi 3:7	A&P 130:20–21
1 Nefi 17:3	Abraham 3:25
A&P 82:10	

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Ambil dua tali—satu dalam keadaan yang baik dan yang lain itu sudah berbula. Tunjukkan tali yang baik itu, dan jelaskan bahawa ia dibuat dari banyak keping benang. Jelaskan bahawa adalah penting bagi benang-benang itu ditenyun bersama-sama dengan ketat, adalah penting bagi keluarga untuk bersekutu. Kemudian tunjukkan

tali yang berbula itu. Jelaskan bahawa tali itu lemah bila benang-benangnya sudah diasingkan, keluarga menjadi lemah bila mereka tidak bersekutu.

Mengaji semula 1 Nefi 16–18. Timbangkan bagaimana tindakan-tindakan ahli keluarga Lehi mempengaruhi kesatuan keluarga. Bincangkan tentang perkara yang anda boleh lakukan secara sekeluarga untuk menjadi lebih bersekutu.

“Bebas untuk Memilih Kemerdekaan dan Kehidupan Abadi”

6

2 Nefi 1–2

2 Nefi 1 mengandungi nasihat yang diberikan oleh Lehi kepada anak-anak lelakinya sebelum dia meninggal dunia. Semasa anda mengaji bab ini, carikan perkara-perkara tertentu yang Lehi menasihati kanak-anak lelakinya untuk melaksanakan dan berkat-berkat yang dijanjinya jika mereka mematuhi nasihatnya.

Semasa anda mengaji 2 Nefi 2, carikan perkataan-perkataan *kebebasan*, *tindak*, dan *memilih*. Anda mungkin hendak menandakan perkataan-perkataan itu bila anda carikan mereka. Ambil masa untuk merenung kepentingan perkataan-perkataan itu.

- Bacakan 2 Nefi 2:6–8. Bagaimana anda boleh “menyingkapkan hal-hal ini”? Bagaimana tindakan anda untuk menyingkap hal-hal ini menunjukkan kesyukuran anda terhadap Penebusan Juruselamat?
- Baca 2 Nefi 2:15–25 dan carikan (1) keadaan sebelum Adam dan Hawa makan buah yang terlarang dan (2) pertentangan yang mereka alami selepas mereka makan buah itu. Berkat apakah yang dapat anda

terima kerana Kejatuhan Adam dan Hawa yang mendatangkan pertentangan pada dunia ini? (Lihat 2 Nefi 2:23–27; Musa 5:10–12.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jelaskan bahawa para mubaligh sering kali ditanya soalan-soalan di mana jawapannya boleh didapati dari Kitab Mormon. Jemput ahli-ahli keluarga untuk mengambil peranan sebagai mubaligh yang ditanya soalan-soalan berikut. Biarkan mereka menjawab soalan-soalan itu dengan menggunakan ayat-ayat suci dari 2 Nefi 2.

1. Apakah erti anda bila anda kata bahawa Yesus adalah Juruselamat? (Lihat 2 Nefi 2:5–10.)
2. Mengapa Tuhan membenarkan kebaikan dan kejahatan dalam dunia ini? (Lihat 2 Nefi 2:11–13.)
3. Saya tidak mahu banyak perintah. Tidak akankah kebebasanku terhadap jika saya mengikut ajaran-ajaran Yesus?

2 Nefi 3–5

- Semasa anda mengaji 2 Nefi 3, carikan ajaran-ajaran tentang Nabi Joseph Smith. Bagaimana anda sudah diberkati melalui sumbangan Joseph Smith?
- Bagaimana Nefi memperoleh harapan walaupun dia “terkurung sepenuhnya” oleh godaan dan dosa? (Lihat 2 Nefi 4:18–25.) Bagaimana peringatan tentang berkat-berkat yang sudah anda terima pada masa lalu membantu anda dalam masa kesusahan?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Bersama keluarga, bacakan sedikit atau semua dari 2 Nefi 4:15–35. Jelaskan bahawa ayat-ayat ini kadang kala dipanggil “Mazmur Nefi.” Ia menunjukkan perasaan Nefi yang mendalam. Bincang tentang mengapa adalah penting untuk “menulis apa yang berada dalam jiwa [kita],” seperti yang dilakukan oleh Nefi (2 Nefi 4:15). Galakkan ahli-ahli keluarga untuk selalu menulis tentang perasaan mereka. Sekali-sekala mereka mungkin hendak mencatatkan perasaan mereka dalam bentuk satu puisi atau lagu pujaan.

“Ah, Betapa Besarnya Kebaikan Tuhan Kita”**2 Nefi 6–10**

2 Nefi 9 mengandungi satu khubat oleh Yakub, salah satu adik lelaki Nefi, tentang Penebusan Yesus Kristus, iaitu kejadian utama dalam rancangan penyelamatan. Untuk memahami ajaran-ajaran dalam bab ini, adalah satu bantuan untuk memahami istilah-istilah berikut: *kematian jasmani* dan *kematian rohani*.

- Apa yang dilakukan oleh Juruselamat untuk mengatasi kematian jasmani dan kematian rohani? (Lihat 2 Nefi 9:5–7, 12, 21–22; juga lihat Lukas 22:44; Mosia 3:7; A&P 19:16–19.)
- Menurut Yakub, perkara apakah yang mesti kita lakukan untuk “diselamatkan di dalam kerajaan Tuhan,” atau dibenarkan untuk mendiami dalam kehadiran Tuhan

buat selama-lamanya? (Lihat 2 Nefi 9:18, 21, 23–24, 39, 41, 50–52.)

- Sifat dan tindakan apakah yang mengelakkan kita dari menerima segala berkat dari Penebusan? (Lihat 2 Nefi 9:27–38.)
- Yakub menubuat bahawa keturunan Nefi akan “binasa dalam daging kerana ketidakpercayaan” dan orang Yahudi di Yerusalem akan menyalahkan Juruselamat dan mereka akan dicerai-beraikan kerana dosa-dosa mereka (2 Nefi 10:2–6). Apa yang akan Tuhan lakukan kepada orang-orang ini bila mereka percaya dalamNya dan bertaubat demi dosa-dosa mereka? (Lihat 2 Nefi 10:2, 7–8, 21–22; juga lihat 1 Nefi 21:15–16; 2 Nefi 9:1–3, 53; 30:2.)

Timbangkan bagaimana perkataan-perkataan dan frasa-frasa individu

dalam ayat-ayat berikut dapat meningkatkan erti khubat Yakub:

2 Nefi 9:10

2 Nefi 9:28

2 Nefi 9:14

2 Nefi 9:39

2 Nefi 9:18

2 Nefi 9:51

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jemput ahli-ahli keluarga untuk berbincang tentang perkara yang sudah dilakukan oleh Juruselamat bagi mereka secara individu dan bagi keluarga mereka.

“Jiwaku Senang akan Kata-kata Yesaya”

9

2 Nefi 11–25

Sebelum anda mula mengaji ajaran-ajaran dari Yesaya dalam 2 Nefi 11–25, baca pernyataan ini dari Elder Boyd K. Packer:

“Kitab Mormon adalah satu alkitab. Ia adalah satu kesaksian lagi tentang Yesus Kristus. Ia ditulis dalam bahasa alkitab, iaitu bahasa para nabi.

“Kebanyakan bahagiannya, adalah dalam bahasa Perjanjian Baru yang senang difahami.”

“Hanya dengan membaca beberapa muka surat sahaja anda akan memahami nada bahasa itu dan naratif akan menjadi mudah untuk difahami. Sebenarnya, kebanyakan remaja sedia memahami naratif Kitab Mormon.

“Dan bila anda menjadi selesa untuk terus membaca, anda akan bertemu dengan satu rintangan. Gaya bahasanya bertukar kepada gaya nubuat Perjanjian Lama. Kerana, terdapat di sana sini dalam naratif itu, adalah bab-bab yang melafazkan nubuat-nubuat nabi Yesaya dari Perjanjian Lama. Mereka muncul sebagai satu rintangan, seperti

satu halangan jalan atau tempat pemeriksa di mana seorang pembaca kasual, seorang yang malas ingin tahu, biasanya tidak akan terus baca.

“Anda juga akan digoda untuk berhenti di situ, tetapi jangan buat demikian! Jangan henti membaca! Terus membaca lepas bab-bab tentang nubuat dari Perjanjian Lama yang susah difahami itu, walaupun anda hanya faham sedikit sahaja. Terus membaca, walaupun dengan sepintas lalu dan hanya mengumpulkan impresi sedikit demi sedikit dari sana dan sini. Terus membaca, walaupun anda hanya melihat perkataan-perkataan sahaja. . . .

“ . . . Tuhan ada satu tujuan untuk menyimpankan nubuat-nubuat Yesaya dalam Kitab Mormon, walaupun mereka menjadi rintangan kepada pembaca kasual.

“Mereka yang tidak baca lepas bab-bab Yesaya kehilangan harta karun peribadi yang harus dikumpul sepanjang jalan” (dalam Conference Report, Apr. 1986, 76–77; atau *Ensign*, Mei 1986, 61).

“Dia Mengajak Mereka Semua untuk Datang KepadaNya”

10

2 Nefi 26–30

2 Nefi 26–30 mengandung nubuat-nubuat yang berkuasa tentang zaman akhir. Nefi bernubuat tentang mereka yang akan ditipu oleh Setan dan jatuh jauh dari kebenaran. Tetapi, dia juga dapat melihat Pemulihan injil dan berkat-berkat yang akan dikurniakan kepada yang soleh.

- Apakah contoh-contoh dalam 2 Nefi 28 tentang taktik Setan untuk menipu kita? Bagaimana anda dapat mengelak dari ditipu oleh taktik-taktik ini? (Lihat, sebagai contohnya, 1 Nefi 15:24; 2 Nefi 28:30; Alma 17:2–3; Moroni 7:15–19; A&P 21:1–6; 46:7.)
- Mengapa kita harus mengaji Kitab Mormon selain daripada Alkitab? (Lihat 2 Nefi 29:4–14; juga lihat 2 Nefi 28:30.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Suruh seorang ahli keluarga berdiri di tengah-tengah bilik. Jelaskan bahawa ini adalah satu demonstrasi, kawasan di sebelah kanannya melambangkan segala perkara baik yang boleh dilakukan dalam hidup ini. Kawasan di sebelah kanan yang paling jauh melambangkan perkara yang paling

baik yang boleh dilakukan. Kawasan di sebelah kirinya melambangkan semua perkara yang salah yang boleh dilakukan dalam hidup ini. Kawasan di sebelah kiri yang paling jauh melambangkan perkara yang paling salah yang boleh dilakukan.

Jelaskan bahawa Elder Richard G. Scott mempersembahkan satu pelajaran objek yang serupa. Pada masa itu dia memerhati: “Pada tengah-tengah bilik itu, adalah susah untuk membezakan perkara yang baik dan yang salah. Kawasan tengah itu adalah kawasan di mana Setan menipu orang yang soleh. . . . Memang mudah menjadi keliru di sana. Hidup dalam lingkungan kawasan yang baik yang ditentukan oleh Tuhan, dan anda tidak akan menemui masalah dengan godaan. Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu perkara adalah sesuai untuk dilihat, didengar, difikir, atau dilaksanakan, elakkannya. Anda mungkin menuju terhadap salah satu tangkapan Setan” (“Do What Is Right,” *Ensign*, Jun 1997, 53–54).

Berbincang tentang bagaiman demonstrasi ini diaplikasi kepada keputusan-keputusan dan godaan-godaan yang ditemui oleh ahli-ahli keluarga setiap hari.

“Maju Terus dengan Ketabahan di dalam Kristus”

11

2 Nefi 31–33

- Nefi memulakan tulisan terakhirnya dengan berkata bahawa dia akan “berbicara mengenai ajaran Kristus”

(2 Nefi 31:2). Menurut ajaran Nefi dalam 2 Nefi 31, bagaimana anda mentakrifkan “ajaran Kristus”?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Sediakan meja makan untuk makan bersama keluarga, dan beritahu ahli-ahli keluarga bahawa anda akan bawakan makanan mereka pada meja itu. Bila mereka duduk pada meja makan, berikan mereka bahagian makanan yang lebih sikit dari bahagian yang mereka biasa makan. Kemudian adakan perbincangan berikut:

- Bagaimana pengajian kitab suci kita kadang-kala dibanding dengan makan habuan makanan yang kecil?
- Bersama keluarga, baca 2 Nefi 32:3. Apakah ertinya untuk “kenyangkan diri dengan firman Kristus”? (2 Nefi 32:3) Apakah yang boleh kita lakukan untuk menjadikan pengajian kitab persendirian dan sekeluarga kita satu kenduri?

“Carilah Dahulu Kerajaan Tuhan”

Yakub 1–4

Untuk mempelajari tentang nabi Yakub dengan lanjutnya, baca ayat-ayat suci berikut: 1 Nefi 18:7; 2 Nefi 2:1–4; 6:2–4; Yakub 1:1–2, 18–19.

- Nabi Yakub memberi amaran tentang cinta terhadap kekayaan, kesombongan, dan berfikiran unggul bangsa (Yakub 2:12–16, 22–23; 3:5, 9). Selepas memanggil umatnya untuk bertaubat, dia menamatkan khubatnya dengan memberi kesaksian tentang harapan keampunan melalui Penebusan. Bagaimana kita boleh memperoleh harapan dalam Kristus yang difirman oleh Yakub? (Lihat Yakub 4:4–12.)

Yakub menegur kaum lelaki Nefi kerana penzaliman terhadap isteri-isteri dan anak-anak mereka (Yakub 2:9, 31–32, 35). Pemimpin-pemimpin Gereja Zaman Akhir juga memberi amaran tentang penzaliman. Presidensi Utama

dan Kuorum Dua Belas sudah memberi amaran bahawa “orang yang melanggar perjanjian-perjanjian kemurnian akhlak, yang mendera isteri atau suami atau anak-anak, atau gagal memenuhi kewajipan-kewajipan kekeluargaan akan pada suatu hari dipertanggungjawabkan di hadapan Tuhan” (“Keluarga: Suatu Perisytiharan Kepada Dunia,” *Ensign*, Nov. 1995, 102).

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Minta ahli-ahli keluarga untuk membaca Yakub 2:35. Kemudian tanyakan soalan-soalan berikut:

- Apakah yang mungkin kita lakukan atau katakan yang akan menyakitkan hati orang lain? Apakah yang boleh kita lakukan untuk membawa kesatuan yang lebih baik ke dalam rumah tangga kita?

Yakub 5–7

Yakub 5 mengandungi satu kiasan dari Zenos, seorang nabi Ibrani yang disebut beberapa kali dalam Kitab Mormon. Kiasan adalah satu alat kesusasteraan di mana satu objek atau kejadian digunakan untuk menghuraikan atau melambangkan satu objek atau kejadian lain. Carta berikut mungkin akan meningkatkan kefahaman anda tentang kiasan itu:

Lambang	Maksud
Kebun anggur	Dunia
Majikan kebun anggur	Yesus Kristus
Pokok Zaitun yang terpelihara	Bangsa Israel, umat perjanjian Tuhan
Pokok zaitun yang liar	Bangsa bukan Yahudi (orang yang tidak dilahirkan ke dalam bangsa Israel)

Lambang	Maksud
Cabang-cabang	Kumpulan orang
Hamba-hamba	Nabi-nabi dan orang yang dipanggil untuk melayani
Buah	Hidup dan kerja-kerja orang

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jelaskan bahawa hamba-hamba yang disebut dalam Yakub 5:61–72 adalah Orang-orang Suci Zaman Akhir yang berkongsikan injil (A&P 133:8). Bincang tentang cara-cara ahli-ahli keluarga boleh bersedia untuk berkongsikan injil, sebagai mubaligh sepenuh masa dan dalam kegiatan setiap hari. Menubuhkan satu matlamat yang akan membantu ahli-ahli keluarga untuk menjadi lebih bersedia untuk melaksanakan kerja mubaligh.

“Untuk Suatu Tujuan yang Bijak”

Enos, Yarom, Omni, Kata-Kata Mormon

- Bagaimana Enos menghuraikan doanya kepada Tuhan? (Lihat Enos 1:2.) Apakah yang sudah anda belajar tentang pertaubatan dari kejadiannya untuk memperoleh pengampunan? Apakah yang anda belajar tentang doa dari kejadian itu?
- Bagaimana kita boleh “persembahkan seluruh jiwa [kita]” kepada Jerusalem? (Omni 1:26).
- Apakah yang dikatakan oleh Mormon tentang tujuan segala catatan suci yang dia ringkaskan? (Lihat Kata-Kata Mormon 1:2, 8; juga lihat muka surat tajuk Kitab Mormon.) Mengapa adalah penting untuk membaca Kitab Mormon dengan tujuan ini dalam fikiran kita?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jelaskan bahawa penulis-penulis dari buku Enos, Yarom, dan Omni diperintahkan untuk menjaga dan menambah kepada catatan tentang bangsa mereka. Orang-orang Suci Zaman Akhir juga

telah dinasihati untuk menyimpan sejarah persendirian dan sejarah keluarga. Jika anda boleh dapati jurnal seorang nenek moyang anda, bacakan catatannya secara sekeluarga. Bincang tentang kepentingan untuk menyimpan jurnal persendirian dan sejarah keluarga.


“Berhutang Buat Keabadian kepada Bapa Syurgawimu”

Mosia 1–3

- Semasa pemerintahan Raja Benyamin, apakah perbezaan di antara bangsa Nefi, yang mengaji kitab suci, dan bangsa Laman, yang tidak buat demikian? (Lihat Mosia 1:5.) Bagaimana anda dapat melihat perbezaan ini digambarkan dalam masyarakat zaman kini?
- Baca Mosia 2:20–21, 34. Apakah ertinya untuk menjadi “hamba yang tidak menguntungkan” yang “secara abadi berhutang kepada Bapa Syurgawi”? Mengapa kita masih adalah hamba yang tidak menguntungkan walaupun jika kita memuji dan melayaniNya dengan segala jiwa kita? (Lihat Mosia 2:22–25; juga lihat kertas sebaran pada muka surat ini.) Apakah yang diajar tentang kasih sayang Bapa Syurgawi kepada anda?
- Perkara apakah yang dapat anda belajar tentang Penebusan Yesus Kristus dari Mosia 2–3?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Lukiskan satu neraca pada sehelai kertas, seperti yang ditunjukkan di atas.



Tanya ahli-ahli keluarga mengapa neraca ini tidak seimbang. Kemudian minta mereka untuk membaca Mosia 2:20–25 dengan lantang. Semasa mereka membaca, jemput mereka untuk mencarikan persembahan yang boleh kita beri kepada Tuhan dan terhadap berkat-berkat yang dikurniakanNya. Buat satu senarai di sebelah neraca itu yang dilabel *Persembahan Kita*. Buat satu lagi senarai tentang berkat-berkat Tuhan di sebelah neraca itu yang dilabel *Berkat-berkat Tuhan*. Bantukan ahli-ahli keluarga anda untuk memahami bahawa kita akan selalunya berhutang kepadaNya. Tunjukkan kesyukuran anda terhadap berkat-berkat Tuhan.

Mosia 4–6

- Pada pendapat anda, mengapa Raja Benyamin menegaskan “ketidakberertian” dan “ketidakberlayakkan” rakyatnya? (Lihat Mosia 4:5–8, 11–12.) Mengapa adalah penting bagi kita untuk mengenali pergantungan kita kepada Tuhan?
- Menurut Raja Benyamin, apakah kewajiban ibubapa terhadap anak-anak mereka? (Lihat Mosia 4:14–15.)
- Raja Benyamin mengarahkan rakyatnya untuk menjaga mereka yang berkeperluan (Mosia 4:16–17, 22). Mengapa kita memiliki “alasan besar untuk bertaubat” jika kita enggan menolong orang yang berkeperluan? (Lihat Mosia 4:18–23.) Apakah maksudnya kita semua pengemis? (Lihat Mosia 4:19–20.)
- Nasihat apa diberikan oleh Raja Benyamin kepada orang yang miskin yang tidak ingin memberikan bahan mereka? (Lihat Mosia 4:24–25.) Bagaimana anda boleh memperoleh kemurahan hati tanpa mempedulikan situasi kewangan anda?
- Raja Benyamin mengajar rakyatnya bahawa untuk mengelakkan dosa dan menjaga komitmen mereka kepada Tuhan, mereka harus memberi perhatian kepada fikiran, perkataan-perkataan, dan perbuatan mereka (Mosia 4:29–30.) Bagaimana fikiran, perkataan, dan perbuatan berhubung dengan satu sama lain?
- Apakah kesan Roh Tuhan ke atas rakyat Raja Benyamin bila Raja Benyamin berucap kepada mereka? (Lihat Mosia 5:2–5.) Bagaimana kehidupan dan perhubungan kita mungkin dipengaruhi jika kita “tidak memilik lagi watak untuk melakukan yang jahat”?
- Apakah ertinya untuk menjadi anak-anak Kristus? (Lihat Mosia 5:2, 5–7.) Apakah ertinya untuk “mengambil ke atas diri [kita] nama Kristus”? (Lihat Mosia 5:8–11.) Apakah yang boleh anda lakukan setiap hari untuk membantu anda untuk menjaga nama Kristus tertulis dalam hati anda? (Lihat Mosia 5:11–15.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Bacakan Mosia 4:16–27 bersama keluarga. Bincang tentang perkara yang boleh anda lakukan untuk menolong mereka yang berkeperluan. Mungkin anda hendak merancangkan satu projek perkhidmatan. Anda mungkin juga hendak berbincang tentang persembahan puasa dan bagaimana persembahan itu digunakan.

“Seorang Pelihat . . . Menjadi Manfaat yang Besar bagi Sesamanya Manusia”**Mosia 7–11**

Semasa anda mengaji Mosia 7–11, carikan ayat-ayat yang mengajarkan kepentingan untuk mengikut bimbingan

dari mereka yang dipanggil Tuhan seperti nabi, pelihat, dan pewahyu.

- Bagaimana Amon menghuraikan peranan seorang pelihat? (Lihat Mosia 8:16–18.) Bagaimana Abinadi memenuhi peranannya sebagai seorang pelihat? (Carikan contoh-contoh yang tertentu dalam Mosia 11.)

Kadang-kala kita boleh menerima pandangan tambahan dari kitab suci dengan membandingkan dua orang dalam situasi yang serupa. Gunakan carta berikut untuk membezakan Raja Nuh dan Raja Benyamin:

Raja Nuh	Raja Benyamin
Mosia 11:2	Mosia 2:13
Mosia 11:3–4, 6	Mosia 2:12, 14

Raja Nuh	Raja Benyamin
Mosia 11:5, 7	Kata-Kata Mormon 1:17–18

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jelaskan bahawa ahli-ahli dari Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul adalah nabi, pelihat, dan pewahyu. Bincang tentang bagaimana nabi, pelihat, dan pewahyu zaman akhir adalah “manfaat yang besar” bagi kita (Mosia 8:16–18). Kemudian mengaji semula satu ucapan konferensi yang kini yang diberikan oleh seorang Presiden Gereja.

“Tuhan . . . Akan Menebus UmatNya”

18

Mosia 12–17

Semasa anda mengaji Mosia 12–17, carikan pesanan utama Abinadi kepada Raja Nuh dan imamnya. Tanya anda sendiri mengapa Abinadi rela mati supaya dia dapat menghantar pesannya.

- Setelah Abinadi menahan percubaan para imam untuk “membingungkannya,” salah seorang imam menanya dia satu soalan tentang satu perenggan kitab suci (Mosia 12:19–24; juga lihat Yesaya 52:7–10). Mengapa para imam itu tidak faham perenggan kitab suci itu? (Lihat Mosia 12:25–27.) Apakah erti untuk mengaplikasikan hati kita kepada kefahaman?
- Apakah ertinya untuk mengadakan perintah-perintah “tertulis dalam hati [kita]”? (Mosia 13:11.) Bagaimana perintah-perintah tertulis dalam hatimu akan mempengaruhi usaha anda untuk mematuhi mereka?

- Perkara apakah sudah anda belajar tentang Juruselamat dari nubuat yang dipetik dalam Mosia 14?
- Pada akhir khubatnya, Abinadi menyuruh Nuh dan para imamnya untuk melaksanakan perkara apa? (Lihat Mosia 16:13–15.) Bagaimana anda dapat mengaplikasikan arahan ini dalam kehidupan anda?
- Walaupun kemungkinannya anda tidak perlu mati untuk iman anda, dalam cara apakah boleh anda mengikut teladan Abinadi?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Bersama keluarga, buatlah satu senarai tentang orang yang seperti Abinadi, yang sudah menghantar pesanan tentang Penebusan Yesus Kristus walaupun mereka berada dalam bahaya.

yang hebat (lihat, untuk contoh, Kisah Rasul-Rasul 4:1-12; 1 Nefi 1:18-20; Mosia 18:1-2; Helaman 13:1-7.) Jika anda mengetahui tentang ahli-ahli keluarga yang sudah melakukan kerja mubaligh

di bawah keadaan yang sukar, bincang tentang pengalaman mereka. Menggalakkan ahli-ahli keluarga untuk mencatatkan pengalaman-pengalaman itu dalam jurnal mereka.

“Tiada Seorang Pun Dapat Membebaskan Mereka kecuali Tuhan”

19

Mosia 18-24

Mosia 18 mengandungi satu penjelasan tentang perjanjian pembaptisan. Sebelum anda mengaji bab ini, bacakan pernyataan berikut oleh Joseph Fielding Smith:

“Perjanjian adalah satu kontrak dan persetujuan di antara dua pihak. Dalam perihal perjanjian injil, dua pihak itu adalah Tuhan di syurga dan manusia pada bumi. Manusia bersetuju untuk mematuhi perintah-perintah dan Tuhan berjanji untuk memberi ganjaran kepada mereka.” (dalam Conference Report, Okt. 1970, 91 atau *Improvement Era*, Des. 1970, 26).

- Apakah yang kita janji untuk melaku bila kita dibaptis? (Lihat Mosia 18:8-13; Moroni 6:2-3; A&P 20:37.) Apakah yang dijanji oleh Tuhan bila kita dibaptis dan menjaga perjanjian pembaptisan kita? (Lihat Mosia 18:10, 12-13; juga lihat 2 Nefi 31:17.)
- Mengapa Tuhan memberkat rakyat Alma dengan lebih cepat dan dengan banyaknya bila mereka di bawah keadaan perhambaan dari bila Dia memberkat rakyat Limhi?

(Bandingkan Mosia 21:5-15 dengan Mosia 23:26-27; 24:10-16.) Bagaimana ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan kita?

- Mengapa beban kita akan menjadi lebih senang ditanggung bila kita “tunduk dengan riang dan dengan kesabaran pada segala kehendak Tuhan”? (Mosia 24:15). Dengan cara apakah sudah Tuhan memperkuatkan anda untuk menolong anda untuk “menanggung beban [anda] dengan mudah”
- Apakah yang dapat kita belajar dari rakyat Limhi dan rakyat Alma tentang penerimaan pembebasan dari perhambaan dosa? (Lihat Mosia 7:33; 21:14; 23:23; 29:18-20; juga lihat A&P 84:49-51.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Bincang tentang soalan-soalan dari muka surat dahulu tentang perjanjian pembaptisan. Jemput ahli-ahli keluarga yang sudah dibaptis untuk berkongsi tentang peringatan bila mereka dibaptis.

Mosia 25–28; Alma 36

Mosia 25–28 dan Alma 36 termasuk catatan tentang penukaran hati Alma dan para putera Mosia. Semasa anda mengaji bab-bab ini, ambilkan masa untuk merenung penukaran hati anda.

- Mengapa adalah penting untuk “saling mengampuni”? (Mosia 26:31). Bagaimana anda sudah diberkati dengan mengampun orang lain atau diampun oleh orang lain?
- Mengapa Tuhan menghantarkan seorang malaikat untuk berucap kepada Alma yang muda dan teman-temannya? (Lihat Mosia 27:14.) Bagaimana doa boleh membantu kita bila seorang yang kita kasihi meninggalkan injil?

Perhatikan perkataan-perkataan dan frasa-frasa dalam Mosia 27 dan Alma 36 yang membandingkan perasaan Alma sebelum dan selepas dia diampunkan. (Sebagai contoh, lihat Mosia 27:29. Sebelum Alma diampunkan, “jiwa[nya] terseksa oleh seksaan kekal.” Selepas dia diampunkan, “jiwa[nya] tidak tersakiti lagi.”)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Tanyakan ahli-ahli keluarga soalan-soalan berikut:

- Pertimbangan apakah adalah paling penting bila bersedia untuk melayani satu misi? (Bantu ahli-ahli keluarga untuk memahami bahawa *di mana tempat* kita melayan tidak sepeenting seperti *sebab* kita melayan dan *cara* kita melayan.)

Minta ahli-ahli keluarga untuk buka ke bab Mosia 28. Jelaskan bahawa bab ini mengandungi satu catatan tentang para putera Mosia, yang hendak melayan sebagai mubaligh di kalangan orang-orang Laman.

- Mengapa para putera Mosia hendak berkhubat kepada orang-orang Laman? (Lihat Mosia 28:2–3.) Bagaimana kita boleh meningkatkan komitmen kita untuk berkongsi injil?

“Alma . . . Menghakim dengan Penghakiman yang Soleh”

Mosia 29; Alma 1–4

Bila semua putera Mosia enggan untuk menggantinya sebagai raja, Mosia hantarkan satu warta kepada rakyatnya, mencadangkan satu sistem yang terdiri daripada para hakim untuk menggantikan undang-undang raja selepas kematiannya. Semasa anda mengaji Mosia 29, pertimbangkan perkara yang diajar oleh kata-kata Raja Mosia tentang sifat pemimpin yang akan

“menjamin kedamaian bagi rakyat ini” (Mosia 29:10).

- Pada tahun pertama masa pemerintahan para hakim, seorang lelaki yang bernama Nehor dibawa ke depan Alma untuk dihakimi (Alma 1:1–2, 15). Apa yang diajar oleh Nehor kepada orang ramai? (Lihat Alma 1:3–4.) Apakah kesan pengajarannya?

(Lihat Alma 1:5–6.) Pada pendapat anda, mengapa pengajaran Nehor menarik hati banyak orang? Pengajaran manakah yang sama yang pernah anda dengar pada hari ini?

- Apakah yang dilakukan oleh Alma yang disebabkan oleh pertambahan kesombongan dan kederhakaan bangsanya? (Lihat Alma 4:15–19.) Bagaimana berkhotbah tentang firman Tuhan boleh “menggugahkan [orang] dalam ingatan akan kewajiban mereka”? Bagaimana berkhotbah tentang firman Tuhan boleh

“meruntuhkan” kesombongan, kelicinan, dan perselisihan?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Baca Alma 4:15–20 bersama keluarga. Kemudian tanyakan soalan-soalan berikut:

- Pada pendapat anda mengapa Alma hanya boleh menolong bangsanya dengan “menekan dalam kesaksian yang murni terhadap mereka”? Masalah apakah dalam dunia ini boleh diselesaikan dengan mengkhubatkan dan menghidupi injil?

“Sudahkah Kamu Menerima RupaNya pada Air Mukamu?”

22

Alma 5–7

Alma 5 mengandungi lebih daripada 40 soalan. Carikan soalan-soalan itu dan merenung tentang cara anda menjawab mereka.

- Dalam khubatnya kepada rakyat di Zarahemla, Alma mengucap tentang mengalami satu “perubahan yang hebat” dalam hati dan “dilahirkan semula dari Tuhan” (Alma 5:14). Kita sering kali menggunakan frasa *penukaran hati* bila kita berucap tentang pengalaman ini. Apakah ertinya untuk bertukar hati? (Lihat Mosia 5:2; 27:24–26.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Baca Alma 5:14, 19 bersama keluarga. Jelaskan bahawa perkataan *air muka* merujuk kepada tingkah laku seseorang atau cara muka seseorang menunjukkan sifatnya.

- Pada pendapat anda, apakah ertinya untuk “memiliki rupa Tuhan terukir pada air muka [kita]”? Apa yang sudah anda nampak pada orang yang sudah “menerima rupaNya pada air muka [mereka]”?

“Lebih daripada Seorang Saksi”

23

Alma 8–12

- Selepas dia menubuhkan tarekat Gereja di kalangan orang di Gideon dan Melek, Alma pergi berkhubat di Amoniha. Cabaran apakah yang dia temui di Amoniha? (Lihat Alma 8:8–9.)
- Perkataan apakah dalam Alma 8:10 menghuraikan keamatan usaha Alma di Amoniha? Bagaimana rakyat di Amoniha berbalas terhadap khubat Alma? (Lihat Alma 8:11–13.)

Semasa anda mengaji Alma 8:18–32 dan Alma 10–11, carikan cara Amulek berubah bila dia mematuhi pesanan malaikat dan melayan sebagai teman Alma.

- Bagaimana keadaan hati kita mempengaruhi kefahaman kita terhadap firman Tuhan? (Lihat Alma 12:9–11.) Bagaimana kita boleh mengembangkan hati yang mengenali, memahami, dan menerima firman Tuhan? (Lihat 1 Nefi 2:16; 15:11.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jelaskan bahawa bila Alma pergi ke Amoniha bersendirian, orang di situ berkata, “Siapakah Tuhan, yang mengutus kewenangan yang tidak lebih daripada satu pria ke antara orang-orang ini?” (Alma 9:6). Orang-orang itu kemudian tercengang bila Amulek berkhutab, “melihat ada lebih dari

seorang saksi” (Alma 10:12). Bersama keluarga anda, baca ayat-ayat suci dari carta berikut. Memerhatikan bagaimana Alma dan Amulek terus menyokong usaha satu sama lain dengan berkhutab ajaran yang serupa:

Ajaran	Saksi Amulek	Saksi Alma
Penebusan	Alma 11:40	Alma 12:33–34
Pertaubatan	Alma 11:40	Alma 12:24
Penghakiman	Alma 11:41	Alma 12:14
Kebangkitan	Alma 11:41–42	Alma 12:24–25

- Apakah faedah dari mempunyai lebih dari seorang saksi bila berkongsi injil? Bagaimana kita boleh menyokong satu sama lain dalam usaha ini?

“Berikan Kami Kekuatan Menurut Iman Kami . . . dalam Kristus”

24

Alma 13–16

Selepas Alma mengajar Zezrom dan yang lain di Amoniha tentang rancangan penebusan, dia memberi kesaksian tentang imamat dan ajaran tentang pra-pentahbisan. Bacakan petikan berikut bersama pengajian anda tentang Alma 13:1–7:

Nabi Joseph Smith berkata, “Setiap orang yang memegang panggilan untuk melayan kepada penduduk dunia ini sudah ditahbiskan untuk tujuan itu di Majlis Besar di syurga sebelum dunia ini dicipta” (*Teachings of the Prophet Joseph Smith*, sel. Joseph Fielding Smith [1976], 365).

Presiden Spencer W. Kimball mengajar: “Sebelum kita datang ke sini, para wanita yang beriman diberikan tugas yang tertentu dan para lelaki yang beriman ditahbiskan tugas imamat tertentu. Walaupun kita tidak dapat mengingati perinciannya, ini tidak mengubah kenyataan yang gemilang yang sudah kita setuju. Anda bertanggungjawab kepada perkara yang diharapkan dari anda pada masa lama dahulu seperti mereka yang kita sokong sebagai nabi dan rasul!” (*“The Role of Righteous Women,” Ensign*, Nov. 1979, 102).

- Selepas dianiaya dalam penjara buat banyak hari, bagaimana Amulek dan Alma dibebaskan pada akhirnya? (Lihat Alma 14:26–29; Eter 12:12–13.) Dari apakah kita perlu dibebaskan? Mengapa iman kita mesti berpusat pada Kristus untuk membebaskan kita? (Lihat Mosia 3:17; Moroni 7:33.)
- Apakah yang didedahkan tentang keyakinan Zezrom terhadap Alma dan Amulek dalam Alma 15:3–5? Dalam siapakah Zezrom perlu

meletakkan keyakinannya untuk dipulihkan? (Lihat Alma 15:6–10.) Apakah yang dapat anda belajar dari tindakan Zezrom selepas dia dipulihkan? (Lihat Alma 15:11–12.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Selepas mengulang kaji segala bahagian dalam Alma 13–16, jemput setiap ahli keluarga untuk berkongsi kan perkara yang dia belajar dari catatan itu.

“Mereka Mengajar dengan Kuasa dan Kewenangan Tuhan”

25

Alma 17–22

- Apakah yang mendatangkan kejayaan Amon dan para saudaranya dalam usaha mereka untuk membawa pengetahuan kebenaran kepada orang-orang Laman? Apakah yang dapat anda belajar dari cara kerja mubaligh Amon dan Harun?
- Ajaran apakah yang diajar oleh Amon dan Harun kepada Raja Lamoni dan bapanya? (Lihat Alma 18:34–39; 22:7–14.)
- Apakah yang rela dikorban oleh bapa Lamoni untuk mengenali Tuhan? (Lihat Alma 22:15, 17–18.) Apakah yang boleh anda belajar dari teladannya?

Semasa anda mengaji Alma 17–22, carikan catatan-catatan tentang orang

yang menerima berkat selepas mereka menahan percubaan. Renungkan berkat-berkat yang sudah anda terima bila anda menahan percubaan dengan beriman.

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Pamerkan beberapa alat musik atau alat perkakas yang berbeza. Minta ahli-ahli keluarga untuk menjelaskan tentang kegunaan setiap alat musik (atau alat perkakas). Kemudian baca Alma 17:1–9 dan tunjukkan bahawa kita, seperti para putera Mosia, boleh menjadi “alat dalam tangan Tuhan” bila kita berkongsi kan injil dengan orang lain. Tegaskan bahawa Tuhan akan menolong kita bila kita berusaha untuk menjadi alat dalam tanganNya.

“Berpaling kepada Tuhan”

26

Alma 23–29

Alma 23–27 membincang tentang Anti-Nefi-Lehi, sekumpulan orang yang menukar hati dengan sungguh

mendalamnya sehingga mereka “tidaklah pernah jatuh” (Alma 23:6). Semasa anda mengaji catatan ini,

carikan bukti-bukti tentang kebenaran dan keikhlasan penukaran hati orang-orang Anti-Nefi-Lehi.

- Orang-orang Anti-Nefi-Lehi “berpaling kepada Tuhan” (Alma 23:6). Mengapa adalah penting untuk Yesus Kristus menjadi pusat penukaran hati anda?
- Orang-orang yang sudah menukar hati pilih untuk membezakan mereka daripada para saudara mereka yang tetap jahat (Alma 23:16–18; 27:27–30.) Dalam cara apakah kita berbeza dari dunia ini bila kita menukar hati?
- Walaupun mereka menderita, orang-orang Anti-Nefi-Lehi bersyukur terhadap apa? (Lihat Alma 24:7–10.) Bagaimana kesyukuran terhadap Tuhan menolong kita untuk menemui percubaan dan penderitaan?
- Orang-orang Anti-Nefi-Lehi “mengambil pedang mereka . . . dan mereka menguburkannya jauh di dalam tanah” (Alma 24:15–17). Mengapa

adalah mustahak bahawa mereka menguburkan senjata mereka dan tidak hanya berjanji untuk enggan menggunakan mereka sahaja? Apakah yang boleh kita lakukan untuk menguburkan “senjata pemberontakan” kita?

Semasa anda mengaji Alma 26–27, carikan contoh-contoh tentang berkat yang datang kepada para mubaligh kerana usaha mereka.

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Mengisahkan catatan-catatan tentang penukaran hati orang-orang Anti-Nefi-Lehi. Bertimbang untuk menggunakan soalan-soalan dalam bahagian ini untuk menggalakan perbincangan. Kemudian mintakan ahli-ahli keluarga untuk membaca perenggan-perenggan berikut tentang penukaran hati:

Lukas 22:32

Alma 5:7–14

Mosia 5:2

3 Nefi 6:14

Mosia 5:7

3 Nefi 9:13–14

“Segala Sesuatu Menunjukkan Ada Seorang Tuhan”

27

Alma 30–31

Ingatilah pernyataan berikut oleh Presiden Ezra Taft Benson semasa anda mengaji Alma 30–31:

“Kitab Mormon mendedahkan musuh Kristus. . . . Jenis pemurtad dalam Kitab Mormon adalah serupa dengan jenis pemurtad pada hari ini. Tuhan, dengan pengetahuannya yang tidak terhad, membuatkan Kitab Mormon supaya kita dapat lihat kesalahan konsep-konsep pendidikan palsu, politikal, keagamaan, dan falsafah masa kita dan tahu tentang cara untuk memerangi

mereka” (“The Book of Mormon Is the Word of God,” *Ensign*, Jan. 1988, 3).

- Bila Korihor menuntut sebuah tanda kewujudan Tuhan, tanda apakah yang ditunjukkan oleh Alma sebagai bukti bahawa Tuhan hidup? (Lihat Alma 30:44.) Bagaimana bukti-bukti ini dapat menolong anda untuk memperkukuhkan iman anda?

Semasa anda mengaji Alma 31, bandingkan doa orang-orang Zoram dengan doa Alma. Anda mungkin

hendak menandakan perbezaan-perbezaan yang anda cari.

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jelaskan bahawa idea yang serupa dengan ajaran Korihor kadang-kala dipersembahkan oleh orang zaman kini. Kemudian bincangkan soalan-soalan berikut:

- Apakah yang boleh kita lakukan untuk menahan pengaruh dari orang yang cuba untuk memusnahkan iman kita? (jawapan mungkin termasuk kita boleh mengaji kitab suci; berdoa; mengelakkan perbalahan; dan berbincang dengan ibubapa, uskup, atau sahabat yang kita yakin.)

“Firman Itu Ada di dalam Kristus untuk Penyelamatan”

28

Alma 32–35

- Alma membandingkan firman Tuhan dengan sebiji benih (Alma 32:28). Apakah yang boleh anda lakukan untuk “memberi tempat” dalam hati anda kepada firman Tuhan? (Alma 32:28).
- Baca Alma 32:28–35. Pada pendapat anda apakah erti untuk merasa fiman “mengembang dalam dadamu”? Bagaimana kitab-kitab suci dapat mengembangkan jiwamu, menerangkan kefahamanmu, dan membesarkan fikiranmu? Dengan cara apakah firman Tuhan menjadi sedap kepada anda?
- Selepas mendengar khubat Alma, orang-orang itu berhasrat untuk mengetahui “dengan cara apakah mereka hendaknya mulai menjalankan iman mereka” (Alma 33:1). Alma berbalas dengan memetik ajaran-ajaran dari nabi Zenos, Zenok, dan Musa. Apakah pusat pesanan ajaran-ajaran itu? (Lihat Alma 33:3–22.)

Selepas anda mengaji Alma 33:19–22, baca Bilangan 21:4–9, Yahones 3:1–16, 1 Nefi 17:41, Alma 37:46, dan Helaman 8:13–15. Carikan cara bagaimana penggabungan perenggan-perenggan tersebut dapat memberikan anda lebih banyak kefahaman yang mendalam daripada sebarang perenggan secara bersendirian.

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Untuk membantu ahli-ahli keluarga untuk menggambarkan pesanan Alma tentang pemeliharaan firman Tuhan dalam hati kita (Alma 32:28–43), berikan setiap ahli keluarga sebiji benih dan satu bekas tanah yang kecil. Jemput ahli-ahli keluarga untuk menanamkan benih mereka dan memelihara mereka dengan air dan cahaya matahari. Pada minggu-minggu yang akan datang, perhatikan bagaimana benih itu menumbuh.

Alma 36–39

- Alma 36–39 mengandungi kesaksian Alma yang diucapkannya kepada anak-anaknya Helaman, Siblon, dan Korianton. Mengapa adalah penting untuk kanak-kanak mendengar ibubapa mereka memberi kesaksian? Dengan cara apakah kesaksian ibubapa anda dapat mempengaruhi anda?

Mengaji semula perenggan-perenggan kitab suci berikut, yang menunjukkan kepentingan nasihat ibubapa kepada anak-anak mereka:

Alma 36–39	Alma 57:21, 26–27
2 Nefi 1–3	Helaman 5:5–14
Enos 1:1–3	A&P 68:25–28
Mosia 1:1–8	A&P 93:39–50
Alma 56:47–48	

- Bagaimana hidup anda sudah dipengaruhi bila anda berusaha untuk mengikut nasihat dalam Alma 37:36–37?
- Bagaimana dosa Korianton mempengaruhi orang-orang lain? (Lihat Alma 39:11, 13.) Mengapa adalah penting untuk ahli-ahli Gereja

menjadi teladan yang baik? Bagaimana tindakan anda dapat mempengaruhi pendapat orang lain tentang Gereja?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Minta seorang ahli keluarga untuk membaca Alma 37:6–7. Kemudian pameran satu paku, satu selak, atau satu objek lain yang kecil yang boleh menggenggamkan barang.

- Bagaimana objek kecil ini satu barang yang “kecil dan sederhana”? Bagaimana objek ini boleh digunakan untuk mencapai tujuan yang besar? Apa akan berlaku jika kita tidak mempunyai objek ini?
- Perkara apakah yang “kecil dan sederhana” yang menggenggamkan keluarga anda? Perkara apakah yang “kecil dan sederhana” yang boleh kita lakukan secara sekeluarga untuk menunjukkan kasih sayang kita terhadap Bapa Syurgawi, Yesus Kristus, dan satu sama lain?

“Rancangan Kebahagiaan”**Alma 40–42**

- Apa yang berlaku kepada roh kita di antara kematian dan kebangkitan? (Lihat Alma 40:11–15, 21; juga lihat A&P 138.)
- Apa akan berlaku kepada kita jika kita hanya di bawah takluk keadilan? (Lihat Alma 42:14.) Apa yang diperlukan untuk memuaskan tuntutan keadilan supaya kita boleh kembali

kepada kehadiran Bapa Syurgawi? (Lihat Alma 42:15.) Bagaimana Penebusan Yesus Kristus dapat “memuaskan tuntutan keadilan”? (Lihat Mosia 15:7–9.) Apa yang harus kita lakukan untuk menerima belas kasihan Tuhan yang penuh? (Lihat Alma 42:13, 23, 27, 29–30; juga lihat Alma 41:14; A&P 19:15–18.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Untuk membantu ahli-ahli keluarga memahami Alma 42, baca perumpamaan Elder Boyd K. Packer tentang

Perantara, yang terdapat dalam bab 12 dari *Asas-asas Injil* (31110). Anda mungkin hendak minta ahli keluarga untuk membaca bahagian huraian dan bahagian penghutang, bahagian pemberi hutang, dan sahabat penghutang.

“Berkukuh dalam Iman Kristus”

Alma 43–52

Alma 43–52 mengandungi beberapa catatan tentang peperangan. Catatan-catatan ini boleh mengajar kita tentang cara untuk menemui pertelingkahan duniawi dan cara untuk mempertahankan kita diri sendiri dan keluarga kita dalam peperangan bertentangan dengan Setan.

- Mempertimbangkan prinsip-prinsip berikut yang mentadbirkan perangai dan tindakan orang-orang Nefi yang soleh pada masa peperangan. Bagaimana kefahaman dan aplikasi prinsip-prinsip ini pada hari ini membantu untuk mendatangkan kedamaian besar dalam dunia ini? Bagaimana anda boleh mengaplikasikan prinsip-prinsip ini dalam urusan dengan pertelingkahan dalam kehidupan peribadi anda?

- a. Hanya berlawan untuk alasan soleh, seperti pertahanan diri (Alma 43:8–10, 29–30, 45–47; 48:14).
- b. Jangan benci musuh anda; carikan minat mereka seperti anda

mencarikan minat diri sendiri (Alma 43:53–54; 44:1–2, 6).

- c. Hidup dengan soleh dan percaya dalam Tuhan (Alma 44:3–4; 48:15, 19–20).
- d. Mengikuti pemimpin-pemimpin yang soleh dan bijaksana (Alma 43:16–19; 48:11–13, 17–19; juga lihat A&P 98:10).

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Baca catatan tentang Kapten Moroni menaikkan panji kemerdekaan (Alma 46:12–20). Kemudian bekerja bersama keluarga anda untuk menciptakan panji kemerdekaan anda. Minta ahli-ahli keluarga untuk membuat satu senarai prinsip-prinsip utama yang akan meningkatkan dan mengilhamkan mereka untuk mengambil nama Kristus ke atas mereka. Kemudian tuliskan prinsip-prinsip itu di atas sekeping kertas yang besar. Galakkan ahli-ahli keluarga untuk hidup menurut prinsip-prinsip yang sudah anda tuliskan di atas panji kemerdekaan keluarga anda.

“Mereka Mematuh . . . Setiap Perkataan dari Perintah dengan Ketepatan”

Alma 53–63

Semasa anda mengaji Alma 53 dan Alma 56–58, carikan prinsip-prinsip

yang diikuti oleh 2,060 orang pahlawan teruna dan sifat-sifat yang

31

32

mereka mengembang pada masa muda mereka. Memberi perhatian kepada bagaimana prinsip-prinsip dan mutu-mutu ini membantu para pahlawan teruna menerima kekuatan dari Tuhan. Putuskan bagaimana anda boleh mengaplikasikan prinsip-prinsip ini dalam hidup anda.

- Dari siapakah para pahlawan teruna itu belajar untuk memperoleh iman dan keberanian yang begitu besar? (Lihat Alma 56:47–48; juga lihat Alma 53:21; 57:21.) Mengapa adalah penting untuk anak-anak mengetahui kekuatan dan ketentuan kesaksian ibubapa mereka?

Kajikan ayat-ayat suci berikut tentang keibuan:

Alma 56:47–48	1 Samuel 1:27–28
Kejadian 24:60	Amsal 1:8
Keluaran 20:12	Musa 4:26

- Para pahlawan teruna orang Amon meminta nabi Helaman untuk menjadi pemimpin mereka (Alma 53:19;

56:1, 5). Bagaimana mereka berbalas terhadap perintah-perintah yang mereka terima? (Lihat Alma 57:21.) Perkara apakah yang mesti anda melaksana untuk mengikut nabi “dengan ketepatan”?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Mengisahkan cerita tentang 2,060 orang pahlawan teruna Helaman (Alma 53; 56–58). Kemudian minta ahli-ahli keluarga untuk membaca perenggan-perenggan berikut. Bincangkan bagaimana ahli-ahli keluarga boleh mengaplikasikan prinsip-prinsip yang diajar dalam perenggan-perenggan ini.

Alma 53:20–21	Alma 57:25–27
Alma 56:45–48	Alma 58:6–11
Alma 57:21	Alma 58:39–40

Untuk sebahagian dari perbincangan ini, anda mungkin hendak menyanyikan “We’ll Bring the World His Truth” (*Children’s Songbook*, 172).

“Satu Dasar yang Pasti”

Helaman 1–5

Helaman 1–4 menghuraikan tempoh masa kedamaian dan tempoh masa perbalahan di kalangan orang-orang Nefi dan Laman. Helaman 5 mengandungi catatan tentang kerja mubaligh yang ajaib di kalangan pembelot orang-orang Nefi dan Laman. Carikan persamaan pada hari ini semasa anda mengaji catatan-catatan ini.

- Bagaimana pengikut-pengikut Kristus berbalas terhadap penganiayaan? (Lihat Helaman 3:33–35.) Bagaimana teladan mereka boleh membantu anda?

- Baca Helaman 5:12. Apakah ertinya untuk membina di atas batu Kristus? (Juga lihat 3 Nefi 14:24–27.)

Dalam Kitab Mormon, adanya lebih dari 240 contoh perkataan *ingat* atau perkataan yang serupa (seperti *mengingat*, *peringatan*, atau *jangan lupa*). Carikan 15 contoh yang ada dalam Helaman 5. Semasa anda berbuat demikian, fikirkan mengapa perkataan *ingat* adalah penting kepada umat perjanjian Tuhan.

Anda mungkin hendak menggunakan Penuntun untuk mencarikan

perenggan-perenggan lain yang mengandungi perkataan *ingat* atau perkataan yang serupa.

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Baca Helaman 5:12 secara lantang. Kemudian bincangkan cara keluarga

anda boleh membina satu dasar di atas batu Yesus Kristus.

Untuk sebahagian perbincangan ini, anda mungkin hendak menyanyi "How Firm a Foundation" (*Hymns*, no. 85).

"Bagaimana Kamu Telah Dapat Melupakan Tuhanmu?"


Helaman 6–12

Catatan dalam Helaman 6–12 menunjukkan bagaimana dosa kesombongan mempengaruhi orang. Semasa anda mengaji catatan ini, carikan putaran yang dihuraikan berikut dalam cadangan untuk perbincangan keluarga.

- Baca Helaman 12:7. Pada dasar apakah Mormon membuat pernyataan ini? (Lihat Helaman 12:1–6, 8.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Lukiskan ilustrasi berikut di atas sekeping kertas:



Jelaskan bahawa Kitab Mormon mengandungi beberapa contoh tentang orang yang melalui putaran ini.

- Bagaimana kita boleh memisah dari putaran ini? (Minta ahli-ahli keluarga untuk membaca Alma 62:48–51; Helaman 12:23–24.)

Pada kertas itu, lukiskan satu barisan melalui *Kesombongan dan Kejahatan dan Kemusnahan dan Penderitaan*. Jelaskan bahawa kita boleh belajar dari kesalahan orang-orang Nefi. Kita boleh sentiasa mengingati Tuhan dalam kerendahan hati dan kesyukuran, walaupun kita makmur.

"Bertaubat dan Kembali kepada Tuhan"

Helaman 13–16

Presiden Ezra Taft Benson berkata: "Rekod sejarah orang-orang Nefi sebelum kunjungan Juruselamat mendedahkan banyak persamaan dengan

zaman kita sekarang semasa kita menantikan kedatangan kedua Juruselamat" (dalam Conference Report, Apr. 1987, 3; atau *Ensign*, Mei 1987, 4).

Carta berikut menunjukkan bahwa Helaman 13–16 mengandung nubuat-nubuat dan kejadian-kejadian yang sama dengan tanda-tanda dan

kejadian-kejadian yang akan berlaku sebelum Kedatangan Kedua Yesus Kristus.

Nubuat-nubuat dan Kejadian-kejadian yang Dicatat dalam Helaman 13–16	Nubuat atau Kejadian	Tanda-tanda dan Kejadian-kejadian yang Akan Berlaku Sebelum Kedatangan Kedua
Helaman 16:1, 3, 6, 10	Minoriti yang kuat dan soleh	1 Nefi 14:12; Yakub 5:70
Helaman 16:13–14	Limpahan rohani dan mukjizat	Yoel 2:28–30; A&P 45:39–42
Helaman 13:22; 16:12, 22–23	Kejahatan yang besar	2 Timotius 3:1–5; A&P 45:27
Helaman 13:2, 6, 8, 10–11; 14:9, 11; 15:1–3, 17; 16:2	Penolakan Nabi-nabi Tuhan dan panggilan mereka untuk bertaubat	A&P 1:14–16.
Helaman 14:3–4	Nubuat tentang satu malam yang tidak ada kegelapan	Zakharia 14:7; juga lihat <i>Teachings of the Prophet Joseph Smith</i> , sel. Joseph Fielding Smith [1976], 287
Helaman 14:5–6, 20	Nubuat-nubuat tentang tanda-tanda dan keajaiban pada langit	Yoel 2:30–31; A&P 45:40
Helaman 16:13–18	Penafian tanda-tanda, keajaiban, dan kedatangan Kristus	2 Petrus 3:3–4; A&P 45:26

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Kajikan segala atau sebahagian carta ini bersama keluarga. Minta setiap

ahli keluarga untuk berkongsikan satu cara di mana informasi pada carta ini boleh membantu orang untuk bersedia untuk Kedatangan Kedua.

“Pada Hari Esok Datanglah Aku ke Dunia”

3 Nefi 1–7

- Semasa mereka menantikan nubuat Samual dikabulkan, “dan orang-orang yang percaya menjadi sangat penuh dukacita” (3 Nefi 1:7).

Apakah alasan-alasan untuk dukacita mereka? (Lihat 3 Nefi 1:5–9.) Walaupun adanya cabaran-cabaran kepada iman mereka, apa yang

dilakukan oleh orang-orang yang percaya? (Lihat 3 Nefi 1:8.) Apa yang boleh anda lakukan untuk menjadi tetap bila iman anda dicabar?

- Baca 3 Nefi 3:12–26, di mana orang-orang Nefi bersedia demi serangan perompak Gadianton. Apakah yang boleh anda belajar dari tindakan orang-orang Nefi pada masa kebahayaan yang boleh membantu untuk melindungi anda pada masa godaan dan ketakutan?
- Berkat apakah yang boleh dinikmati oleh segala orang jika mereka tetap beriman? (Lihat 3 Nefi 10:18–19.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Baca 3 Nefi 5:13 bersama keluarga. Jelaskan bahawa ayat-ayat ini mengandungi perkataan-perkataan dari nabi Mormon. Kemudian tanya soalan-soalan berikut:

- Apakah ertinya untuk menjadi “pengikut Yesus Kristus”? (Untuk mengikut Yesus Kristus.) Apakah yang boleh kita laksanakan secara individu dan secara sekeluarga untuk mengikut Juruselamat?

“Barang Siapa Akan Datang, Dia Akan Aku Terima”

37

3 Nefi 8–11

Nabi Samuel sudah bernubuat tentang tanda-tanda penyaliban Juruselamat. Baca nubuat-nubuat ini dalam Helaman 14:20–27. Kemudian mengaji 3 Nefi 8–9 untuk mencarikan keabulnubuat-nubuat ini.

- Tuhan menawarkan jemputan apa kepada mereka yang terselamat dari kemusnahan itu? (Lihat 3 Nefi 9:13–14. Perhatikan bahawa perkataan *datang* muncul tiga kali dalam ayat 14.) Apa yang boleh anda lakukan untuk menerima jemputan ini?
- Orang ramai maju ke depan Juruselamat “satu demi satu” (3 Nefi 11:15; juga lihat 3 Nefi 17:25, yang mengatakan bahawa adanya 2,500 orang dalam kumpulan itu). Apa

yang dapat anda belajar dari teladan kasih sayang Juruselamat?

- Yesus mengajar bahawa “tidak akan ada perbantahan” di kalangan orang-orang itu (3 Nefi 11:22, 28). Mengapa perbalahan tentang ajaran injil bahawa? (Lihat 3 Nefi 11:29; A&P 10:62–63.) Bagaimana kita boleh disatukan dalam ajaran yang benar?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Baca 3 Nefi 11:1–17 bersama keluarga. Minta ahli-ahli keluarga untuk memikirkan bagaimana mereka akan berasa jika mereka berada di kalangan orang-orang Nefi bila Tuhan yang sudah dibangkitkan muncul.

“Apa yang Lama Diakhiri, dan Segala Sesuatu Telah Menjadi Baru”

38

3 Nefi 12–15

Semasa anda mengaji ajaran-ajaran Juruselamat dalam 3 Nefi 12–15, carikan ajaran-ajaran yang anda perlukan.

Yesus berfirman kepada orang-orang Nefi, “ Aku berikan kepadamu untuk menjadi garam bagi bumi” (3 Nefi 12:13). Untuk memperoleh kefahaman yang lebih mendalam, bacakan perenggan-perenggan berikut. Anda mungkin hendak menandakan ayat-ayat ini dalam kitab anda.

Imamat 2:13 A&P 101:39–40
Matius 5:13 A&P 103:9–10

- Baca 3 Nefi 12:48. Mengapa kita perlukan Penebusan Yesus Kristus untuk menjadi sempurna? (Lihat 2 Nefi 2:7–9; 3 Nefi 19:28–29; Moroni 10:32–33.)

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Berikan ahli-ahli keluarga makanan yang biasanya bergaram dalam resipinya. Layankan setiap ahli keluarga sebahagian makanan itu dengan bergaram, dan sebahagian tanpa garam. Mereka akan berasa bagaimana garam meningkatkan rasa makanan itu.

Dalam satu bilik yang gelap, sinarkan lampu suluh atau menyalakan satu batang lilin.

Selepas pertunjukkan ini, bincangkan apakah ertinya untuk menjadi “garam bagi bumi” dan “terang bagi orang-orang” (3 Nefi 12:13–14).

“Lihatlah SukacitaKu Penuh”

39

3 Nefi 17–19

Semasa anda mengaji 3 Nefi 17–19, carikan ayat-ayat yang menunjukkan kasih sayang Yesus. Anda mungkin hendak mencatatkan perasaan anda dalam jurnal anda.

- Mengapa Yesus “tinggal sedikit lebih lama” bersama orang-orang itu? (Lihat 3 Nefi 17:5–6.) Bagaimana kejadian ini menunjukkan kasih sayangnya terhadap orang-orang itu? Bagaimana anda dapat merasai kasih sayang dan kebimbangan Yesus terhadap anda?
- Yesus menubuhkan sakramen di kalangan orang Nefi. Apa yang dapat anda belajar tentang tatacara sakramen dari 3 Nefi 18:1–11? Apa yang

boleh anda lakukan untuk menyediakan anda diri sendiri untuk mengambil sakramen setiap minggu?

- Yesus mengajar, “Berdoalah dalam keluargamu kepada Bapa” (3 Nefi 18:21). Bagaimana doa keluarga sudah mempengaruhi keluarga anda? Bagaimana keluarga boleh meningkatkan komitmen mereka terhadap doa keluarga?

Dengan membaca kitab suci secara lantang, anda boleh memperoleh pemahaman yang mendalam tentang ajaran-ajaran dan kejadian-kejadian yang mungkin anda tidak dapat sedar bila anda membaca secara diam-diam. Baca 3 Nefi 17 secara lantang. Semasa

anda membaca, sadar akan pengaruh Roh. Anda mungkin ingin menandakan perenggan-perenggan yang terutamanya bererti kepada anda.

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Pada kedua-dua hari pertamaNya bersama orang-orang Nefi, Juruselamat melayani kanak-kanak mereka.

Bersama keluarga anda, baca 3 Nefi 17:11–24 dan 3 Nefi 26:14–16. Kemudian bincang tentang kasih sayang Yesus terhadap kanak-kanak.

Untuk sebahagian dari perbincangan ini, mungkin anda hendak menyanyi bersama-sama “Had I Been a Child” (*Children’s Songbook*, 80–81) atau “When He Comes Again” (*Children’s Songbook*, 82–83).

“Kemudian Saya Akan Kumpulkan Mereka”

40

3 Nefi 16; 20–21

3 Nefi 16, 3 Nefi 20, dan 3 Nefi 21 mengandungi bahagian pengajaran Yesus kepada orang-orang Nefi semasa Dia bersama mereka selepas kebangkitanNya. Dalam bab-bab ini, Tuhan mengajar dan menubuat tentang Pemulihan injil dan pengumpulan bani Israel pada zaman akhir.

- Mengapa bani Israel dicerai-berai? (Lihat 3 Nefi 16:4.) Apakah itu pengumpulan bani Israel? (Lihat 3 Nefi 16:4, 12; 20:10–13.)
- Apakah peranan Kitab Mormon dalam pengumpulan bani Israel? (Untuk contoh-contoh, bandingkan 3 Nefi 16:4, 12 dan 3 Nefi 20:10–13 dengan 1 Nefi 6:3–4 dan muka surat tajuk Kitab Mormon.) Sebagai seorang ahli Gereja, apakah tanggungjawab anda dalam pengumpulan bani Israel?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Menyelerakkan objek-objek di seluruh bilik. Kemudian minta ahli-ahli keluarga untuk mengumpul objek-objek itu. Anda mungkin hendak mengatakan bahawa *mengumpul* bermaksud membawa bersama-sama.

Selepas ahli-ahli keluarga mengumpul objek-objek itu, baca 3 Nefi 20:12–13. Jelaskan bahawa Bapa Syurgawi mengumpulkan umatNya di seluruh dunia dengan membawakan mereka “pada pengetahuan tentang Tuhan mereka, yang telah menebus mereka.” Bincang tentang perkara yang boleh anda lakukan secara individu dan secara sekeluarga untuk menolong Bapa Syurgawi untuk mengumpulkan umatNya.

“Dia Memaparkan Segala Hal kepada Mereka”

41

3 Nefi 22–26

- Selepas memetik dari nubuat-nubuat Yesaya, Yesus memerintah orang-orang untuk “menyelidiki hal-hal ini dengan tekun” (3 Nefi 23:1). Apakah
- ertinya untuk menyelidiki kitab suci dan bukan hanya baca sahaja?
- Dalam catatannya, Mormon hanya memasukkan “bahagian yang lebih

kecil” dari hal-hal yang diajar oleh Yesus (3 Nefi 26:8). Bagaimana kita boleh menerima “apa yang lebih besar”? (Lihat 3 Nefi 26:9.)

- Baca 3 Nefi 26:19–21. Bagaimana kita boleh mengikut teladan ini dalam perkahwinan, keluarga, baha-gian, dan pancang kita?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jelaskan bahawa bila Yesus berada di kalangan orang-orang Nefi, Dia mengongsikan nubuat Maleakhi tentang misi Elia (3 Nefi 25:1–6). Ajaran ini sangat penting sehingga ia boleh didapati dalam keempat-empat kitab suci Gereja.

Bersama-sama keluarga anda, bacakan perenggan-perenggan suci berikut: Maleakhi 4:1–6; Lukas 1:17; 3 Nefi 25:1–6; Ajaran Dan Perjanjian 2:1–3; dan Joseph Smith—Sejarah 1:37–39. Anda mungkin hendak mencadangkan kepada ahli-ahli keluarga untuk menandakan perenggan-perenggan ini dalam kitab suci mereka.

Bincang tentang bagaimana perenggan-perenggan ini berkait dengan kerja sejarah keluarga dan kerja bait suci. Merancang untuk bekerja bersama-sama untuk mengenal pasti dan menyerahkan nama-nama nenek moyang untuk tatacara baik suci. Jika situasi benarkan, merancang untuk melayan bersama-sama dalam bait suci.

“Inilah InjilKu”

3 Nefi 27–30; 4 Nefi

- Dua belas orang rasul Nefi Yesus menanyaNya tentang nama apakah harus mereka memanggil GerejaNya (Lihat 3 Nefi 27:3). Apakah jawapanNya kepada soalan mereka? (Lihat 3 Nefi 27:4–9.) Tuhan sudah memerintah bahawa GerejaNya yang sudah dipulihkan, seperti GerejaNya di kalangan orang-orang Nefi, dipanggil dalam namaNya (A&P 115:4). Mengapa adalah penting bagi kita untuk mengingat bahawa Gereja ini dipanggil dalam nama Yesus Kristus?
- Kajikan 3 Nefi 27:13–21, carikan aspek-aspek injil Yesus Kristus yang berbeza. Apakah yang dijanjikan oleh Juruselamat kepada mereka yang hidup mengikuti injilNya? (Lihat 3 Nefi 27:21–22.)
- Untuk menjawab permintaan mereka, tiga orang rasul Nefi diubah rupa, ertinya tubuh badan mereka diubah sementara supaya mereka

“dapat lihat apa yang dari Tuhan” (3 Nefi 28:13–15). Kemudian mereka pun diberi kuasa atas kematian. Apakah yang diajar oleh kejadian dalam 3 Nefi 28 tentang orang yang diberi kuasa atas kematian?

- Banyak tahun selepas kunjungannya Yesus di kalangan orang Nefi, tidak ada “macam orang apa pun” (4 Nefi 1:17). Apakah erti ini? (Lihat 4 Nefi 1:2–3, 15–17.) Apakah masalah hari ini kerana adanya perbezaan di antara kumpulan-kumpulan manusia? Dengan cara apakah dapat injil menolong kita untuk menjadi bersatu, walaupun kita semua berbeza?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Bacakan buku 4 Nefi bersama-sama. Semasa anda membaca ayat-ayat 4 Nefi 1:1–19, buatlah satu senarai tentang perangai dan tingkah laku yang

menuju ke kedamaian dan kegembiraan. Semasa anda membaca ayat-ayat 4 Nefi 1:20–46, buatlah satu senarai tentang perangai dan tingkah laku yang mendatangkan perbalahan dan kemusnahan.

Bandingkan dua senarai yang sudah anda buat. Bincang tentang perkara yang boleh anda lakukan secara sekeluarga untuk menjadi lebih seperti orang yang dihuraikan dalam 4 Nefi 1:1–19.

“Bagaimanakah Kamu Telah Meninggalkan Jalan Tuhan?”

43

Mormon 1–6; Moroni 9

- Bila Mormon berusia 15, dia “dikunjungi oleh Tuhan, dan mengenyam dan mengetahui tentang kebaikan Yesus” (Mormon 1:15). Bagaimana kita boleh mengetahui kebaikan Yesus?
- Keadaan apakah yang wujud dalam masyarakat Nefi selama kehidupan Mormon? (Lihat Mormon 1:19; 2:8, 10, 18.) Walaupun kita, seperti Mormon, hidup pada masa yang penuh dengan kejahatan, apa yang boleh kita laksanakan untuk mengekalkan iman dan kesolehan peribadi kita?
- Mormon kata bila orangnya menyalahkan orang-orang Laman dalam peperangan, “mereka tidak menyedari bahawa Tuhanlah yang telah membiarkan mereka hidup” (Mormon 3:3). Mengapa adalah penting untuk kita untuk menyedari bahawa berkat-berkat yang kita terima datang dari Tuhan?
- Baca Mormon 5:17–18. Dalam cara apakah orang yang tidak mengikut Juruselamat “seperti kapal yang diombang-ambingkan di atas ombak, tanpa layar atau sauh”? Bagaimana injil adalah seperti layar dan sauh kepada anda?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Baca Mormon 1:13–14 dan Mormon 2:18 sebagai sekeluarga. Kemudian baca Mormon 1:15 dan Mormon 2:19. Menegaskan bahawa walaupun kita dikelilingi oleh kejahatan, kita boleh mengetahui kebaikan Tuhan. Jika kita, seperti Mormon, berusaha untuk mengikut Tuhan dan tetap benar kepada kesaksian kita tentang injil, kita boleh mendapat harapan dalam pengetahuan bahawa kita “akan diangkat pada hari terakhir” (Mormon 2:19).

“Aku Berucap Kepadamu Seolah-olah Kamu Hadir”

44

Mormon 7–9

Semasa anda mengaji Mormon 7–9, ingatkanlah bahawa semua pengajaran dalam bab-bab ini diarahkan kepada orang yang hidup pada zaman akhir.

- Apakah yang dinubuat oleh Moroni tentang keadaan dunia ini bila Kitab Mormon muncul? (Lihat Mormon 8:26–33.) Mengapa Mormon dapat menubuat tentang zaman akhir

dengan jelasnya? (Lihat Mormon 8:34–35.)

- Apakah yang Moroni kata tentang kesombongan pada zaman akhir? (Lihat Mormon 8:35–41.)
- Moroni kata bahawa orang pada zaman akhir akan percaya bahawa Tuhan “bukanlah seorang Tuhan mukjizat” (Mormon 9:10). Jika seseorang memberitahu anda bahawa Tuhan bukanlah seorang Tuhan mukjizat, bagaimana anda akan membalas? Pengalaman apakah yang boleh anda kongsi dengan sesuainya untuk memberi kesaksian bahawa Tuhan adalah seorang Tuhan mukjizat?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Baca Mormon 8:34–35 sebagai sekeuarga. Kemudian minta setiap orang untuk menuliskan satu surat kepada ahli-ahli keluarga masa depan (seperti anak-anak, cucu, anak saudara lelaki, atau anak saudara perempuan), menulis “seolah-olah [ahli-ahli keluarga itu] hadir.” Cadangkan bahawa surat-surat itu memasuki nasihat yang boleh membantu ahli-ahli keluarga masa depan untuk berhidupan injil walaupun mereka akan menemui cabaran. Anda mungkin hendak mencadangkan bahawa surat-surat itu disimpan di tempat yang selamat, seperti jurnal, supaya mereka boleh dibaca pada masa depan.

“Belum Pernah Ada Manusia yang Percaya KepadaKu Seperti Engkau Telah Percaya”

45

Eter 1–6

- Bila saudara lelaki Yared menanya Tuhan bagaimana untuk menerangkan kapal-kapal baj, apakah balasan Tuhan? (Lihat Eter 2:23–25.) Mengapa adalah penting untuk kita melakukan segala yang kita dapat lakukan sebagai tambahan dari meminta bantuan dari Tuhan?
- Sebelum menunjukkan diriNya kepada saudara lelaki Yared, soalan apakah ditanyakan oleh Tuhan? (Lihat Eter 3:11.) Bagaimana balasan saudara lelaki Yared menunjukkan kedalaman imannya? (Lihat Eter 3:12.) Apakah yang dapat anda lakukan untuk mengikuti teladannya?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Baca Eter 6:1–12 bersama-sama. Gunakan soalan-soalan berikut untuk

membantu ahli-ahli keluarga untuk menampakkan persamaan di antara perjalanan orang-orang Yared ke negeri yang dijanjikan dan perjalanan kita melalui hidup:

- Tuhan menyebabkan batu-batu dalam kapal-kapal baj “bersinar dalam kegelapan” (Eter 6:3). Apakah “terang” yang sudah disediakan oleh Tuhan kepada kita?
- Apa yang dilakukan oleh orang-orang Yared selepas mereka habis menyediakan untuk perjalanan mereka dengan segala yang dapat mereka lakukan? (Lihat Eter 6:4.) Bagaimana anda boleh menunjukkan kepercayaan yang sama dalam Tuhan?
- Angin bertiup-tiup dan orang-orang Yared memaju depan, apakah yang mereka lakukan sepanjang hari?

(Lihat Eter 6:8–9.) Dengan cara apakah kita boleh memberi pujian kepada Tuhan?

- Apa yang orang Yared lakukan bila mereka sampai ke negeri yang dijanjikan? (Lihat Eter 6:12.) Dalam cara apakah ini serupa dengan bila kita kembali ke Bapa Syurgawi kita?

“Melalui Iman Segala Sesuatu Digenapi”

46

Eter 7–15

- Bagaimana Eter menghuraikan tentang mereka yang percaya dalam Tuhan? (Lihat Eter 12:4.) Bagaimana iman dan harapan boleh menjadi sauh kepada anda? Apakah contoh-contoh tentang iman menuju terhadap kerja baik yang memuliakan Tuhan?
- Bagaimana Moroni mentakrifkan iman? (Lihat Eter 12:6.) Apakah ertinya kita “tidak menerima kesaksian sampai setelah percubaan iman [kita]”? Dengan cara apakah sudah percubaan memperkuatkan dan menetapkan iman anda?
- Tuhan mengajar bahawa jika kita merendahkan diri di hadapanNya dan beriman dalamNya, Dia akan “menjadikan apa yang lemah

menjadi kuat bagi [kita]” (Eter 12:27.) Bagaimana perjanjian ini sudah digenapi dalam kitab suci, dalam kehidupan anda, dan kehidupan orang lain?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Bila Hyrum Smith bersedia untuk pergi ke Penjara Carthage, di mana dia dan nabi Joseph Smith dibunuh, dia membaca Eter 12:36–38 dan melipatkan muka surat itu (A&P 135:4–5). Minta ahli-ahli keluarga untuk membaca ayat-ayat suci itu.

- Kesenangan apakah dapat ayat-ayat itu berikan? Perenggan-perenggan mana dari kitab suci dapat memperkuatkan atau menyenangkan hati anda?

“Untuk Memelihara Mereka pada Jalan yang Benar”

47

Moroni 1–6

- Mengapa bab-bab dalam Moroni 2–5 dari Kitab Mormon penting kepada zaman kita? Bagaimana anda boleh diperkukuhkan bila anda melihat tatacara injil yang sama hadir dalam zaman keagamaan Gereja Tuhan yang berbeza?
- Perjanjian apakah yang kita buat melalui sakramen? (Lihat Moroni 4:3; 5:2.) Apakah yang dijanjikan

kepada kita? Bagaimana anda berasa bila anda mengambil sakramen secara takzim dan layak?

- Selepas orang dibaptiskan dan menerima kurnia Roh Kudus, “mereka terbilang di antara umat gereja Kristus; dan nama mereka dicatat” (Moroni 6:4). Mengapa nama mereka dicatat? (Lihat Moroni 6:4.) Dalam cara apakah boleh anda beri

sumbangan kepada usaha Gereja untuk memastikan kedua-dua ahli lama dan ahli baru dapat “diingat dan dipelihara oleh firman Tuhan yang baik”?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Jika ahli-ahli keluarga adalah penganut yang baru, bincang tentang perasaan untuk memasuki Gereja. Benarkan ahli-ahli keluarga untuk berucap tentang perkara yang mereka suka tentang memasuki Gereja dan cabaran yang mereka hadapi bila mereka memasuki Gereja. Jika ahli-ahli keluarga adalah ahli Gereja lama, tanya mereka untuk berucap tentang bagaimana mereka

mungkin berasa jika mereka datang ke Gereja buat kali pertama.

Minta seorang ahli keluarga untuk membaca nasihat berikut dari Presiden Gordon B. Hinckley:

“Dengan bilang penganut yang semakin bertambah, kita mesti buat usaha yang besar untuk menolong mereka semasa mereka mencarikan arahan. Setiap orang daripada mereka memerlukan tiga perkara : seorang rakan, satu tanggungjawab, dan pemeliharaan dengan ‘firman Tuhan yang baik’ (Moroni 6:4)” (dalam Conference Report, April 1997, 66; atau *Ensign*, Mei 1997, 47).

- Apa yang boleh kita lakukan untuk mengikut nasihat ini?

“Datanglah kepada Kristus”

Moroni 7–8; 10

Moroni 7–8 mengandungi ajaran dari bapa Moroni, Mormon. Moroni 10 mengandungi kesaksian tertulis Moroni yang terakhir.

- Mormon merujuk ahli-ahli Gereja sebagai “para pengikut Kristus yang damai” (Moroni 7:3). Dari dasar apakah Mormon membuat hakiman ini? (Lihat Moroni 7:4–5.) Bagaimana kita boleh menjadi “para pengikut Kristus yang damai”?

Moroni tutup catatannya dengan “beberapa kata dengan cara desakan” (Moroni 10:2). Perkataan *mendesak* bererti untuk menasihati atau menegaskan dengan bersungguh-sungguh. Semasa anda mengaji Moroni 10, anda mungkin hendak menandakan perkataan *mendesak* setiap kali ia muncul. Renungkan maksud dan kepentingan desakan Moroni dalam bab ini.

48

- Apakah yang Moroni ajar tentang kurnia rohani? (Lihat Moroni 10:8–19.)
- Bagaimana desakan Moroni untuk “datanglah kepada Kristus” membayangkan pesanan Kitab Mormon? (Moroni 10:30, 32). Dalam cara apakah pengajian Kitab Mormon tahun ini sudah membantu anda untuk datang kepada Kristus?

Cadangan untuk Perbincangan Keluarga

Beri kesaksian anda tentang Kitab Mormon, dan jemputkan ahli-ahli keluarga untuk lakukan yang sama. Kemudian baca pernyataan berikut oleh Presiden Ezra Taft Benson :

“Kitab Mormon dikaji dalam Sekolah Hari Ahad dan kelas-kelas seminari setiap empat tahun. Namun begitu, pola

empat tahun ini, tidak *harus* diikuti oleh pengajian peribadi dan sekeluarga ahli-ahli Gereja. Kita perlu baca setiap hari buku ini yang akan membawa seorang manusia 'lebih dekat kepada Tuhan dengan mematuhi perintahnya, lebih dari sebarang buku lain'

(History of the Church, 4:461)" (dalam Conference Report, Okt. 1988, 3; atau *Ensign*, Nov. 1988, 4).

Menggalakkan ahli-ahli keluarga untuk terus mengaji Kitab Mormon dan berkongsi dengan orang lain.

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

